



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50582 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2919011
Teleks : KRT MA 30415
Kawat : MINWORK, K.L.
Telefax : (03) 2921202

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (46) dlm. JKR:UB.123/
KA.05/107 (Sulit)
Tarikh 18 Jun 1990

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menawab surat ini.)

Tetuan Malaysia-Thai Development Sdn. Bhd.,
Lot 8359, Mukim Batu,
Batu 8, Jalan Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.
(U/P: Y. Bhg. Dato' Dr. Nik Hussein bin Abdul Rahman)

Y. Bhg. Dato',

KERJA-KERJA PEMBAIKAN CERUN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN
DI JALAN RAYA TIMUR-BARAT - PAKEJ IIA

Surat Award Kontrak

Lanjutan kepada surat Tawaran Balas Dari Kerajaan bil.(39)dlm.KPKR/SULIT/A/092 Jld.VII bertarikh 29hb Mei 1990, sukacita diambil maklum bahawa pihak Dato' telah bersetuju menerima tawaran balas Kerajaan tersebut tertakluk kepada beberapa pelarasan dan pertimbangan lanjut Kerajaan seperti yang diminta oleh Dato' dalam mesyuarat pada 31hb.Mei 1990.

2. Setelah rundingan seterusnya antara pihak Dato' dan pihak Kerajaan diadakan dan pertimbangan lanjut dibuat oleh pihak Kerajaan, sukacita saya bagi pihak Kerajaan memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju mengawardkan kontrak untuk "Design, Construction, Completion, Maintenance and Guarantee of the Proposed Improvement to Slopes and Other Associated Works Along the East-West Highway - Package IIA" kepada syarikat Dato' dengan jumlah harga pukal sebanyak \$56,335,000 (Ringgit: Lima Puluh Enam Juta Tiga Ratus Tiga Puluh Lima Ribu Sahaja) sebagai Harga Kontrak.

3. Persetujuan Kerajaan ini berasaskan persetujuan pihak Dato' kepada syarat-syarat berikut:

(a) Batu

Walau apa pun yang dinyatakan di dalam Cadangan asal Dato', dalam tawaran balas ini hanya satu item sahaja iaitu "Hard Rock" sebagaimana didefinisikan dalam Spesifikasi tertakluk kepada pengukuran semula. Kadar harga kerja korekan untuk "Hard Rock" hendaklah dikira sebagai "Extra over" ke atas kadar harga "Common excavation". Selain dari "Hard Rock", item-item lain (termasuk "Weathered Rock") tidak tertakluk kepada pengukuran semula.

(b) Jumlah Peruntukan Sementara Bagi "Reimbursement of Overtime for JKR Staff"

Jumlah peruntukan sementara sebanyak \$72,000.00 untuk item ini telah dikeluarkan dari jumlah harga pukal.

(c) Pindaan Kepada Senarai Kenderaan Untuk Pengarah Projek Dan Pegawai-pegawai Pengawasan Tapak

Jumlah harga pukal yang dinyatakan di perenggan 2 di atas telah mengambilkira pindaan kepada senarai kenderaan (termasuk penyelenggaraan) untuk Pengarah Projek dan pegawai-pegawai pengawasan tapak dalam "Employer's Requirements" seperti berikut:

- 1 No. Volvo model 240 GLA
- 2 No. Mitsubishi Pajero
- 4 No. Proton Saga 1.5 liter

(d) Peruntukan Tambahan Kuantiti Bagi Potongan "Beyond Removal Line"

Setelah mengkaji rayuan tuan secara mendalam, kami bersetuju mengambilkira peruntukan tambahan kuantiti bagi potongan "beyond removal line".

(e) Gerenti untuk Bond Pelaksanaan

Bon Pelaksanaan hendaklah dalam bentuk gerenti bank yang diluluskan oleh Kerajaan dan yang dikeluarkan oleh bank yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

(f) Tempoh Siap Kerja

Tempoh Siap Kerja untuk Kontrak Pakej IIA ini ialah selama dua (2) tahun dari Tarikh Mula Kerja (Date of Commencement of the Works).

(g) Pematuhan Kepada "Employer's Requirements"

Pihak Kontraktor hendaklah mematuhi sepenuhnya "Employer's Requirements", Perkara-perkara Perjanjian dan Syarat-syarat Kontrak dan Spesifikasi JKR kecuali jika selainnya dinyatakan di dalam syarat-syarat (a) hingga (f) di atas.

(h) Perselisihan Di Antara "Employer's Requirements" Dan Cadangan Kontraktor

Sekiranya terdapat perselisihan di antara "Employer's Requirements" dan Cadangan Kontraktor, perselisihan tersebut adalah tertakluk kepada perundingan lanjut di antara Kerajaan dan Kontraktor sebelum pengesahan terakhir award kontrak.

4. Pihak Dato' dikehendaki menandatangani Perjanjian Kontrak yang formal dalam sedikit masa lagi. Segala butir yang telah dirunding dan dipersetujui akan diperkemaskan dan dimasukkan dalam dokumen Perjanjian Kontrak. Bagaimanapun, sehingga Perjanjian Kontrak yang formal tersebut ditandatangani, dokumen-dokumen berikut akan menjadi kontrak yang sah dan mengikat antara Syarikat Dato' dan Kerajaan:

- (i) Surat-surat Niat Kerajaan (Letters Of Intent) Bil.(29)dlm.PKR.J.40/0.3018/1 bertarikh 13hb. Januari, 1989, Bil. (67)dlm. KPKR/SULIT/A/092 Jld. VI bertarikh 8hb. Sept. 1989 dan Bil. (71)dlm.KPKR/SULIT/A/092 Jld. VI bertarikh 20hb. Sept. 1989.
- (ii) "Employer's Requirements" yang dikemukakan melalui surat kami bil.(1)dlm.PKR.J(Projek)002/19/36 Jld.1 bertarikh 9hb November 1989;
- (iii) Spesifikasi;
- (iv) Syarat-syarat Kontrak;
- (v) Cadangan syarikat Dato' melalui surat bil. MTD/EWH-2/126/90 bertarikh 12hb Januari 1990 termasuk lukisan-lukisan;
- (vi) Surat Tawaran Balas Dari Kerajaan bil.(39)dlm.KPKR/SULIT/A/092 Jld.VII bertarikh 29hb.Mei 1990;
- (vii) Surat Award Kontrak ini yang akan diberi keutamaan dari surat-surat dan dokumen-dokumen yang lain.

5. Sebagai syarat-syarat sebelum memulakan kerja, syarikat Dato' dikehendaki menyerahkan kepada "Project Director" perkara-perkara berikut:

- (i) Bon Perlaksanaan sebanyak M\$2,816,750.00 (iaitu 5% daripada harga kontrak) dalam bentuk gerenti bank yang diluluskan oleh Kerajaan dan yang dikeluarkan oleh sebuah bank yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan;
- (ii) Polisi Insurans untuk Kerja dalam bentuk "Contractor's All Risk Policy" yang meliputi nilai harga kontrak dan juga nilai jentera dan loji yang dibawa ke tapak;
- (iii) Polisi Insurans Tanggungan Awan dengan nilai liputan insurans tidak kurang dari M\$1,000,000.00;
- (iv) Nombor pendaftaran pekerja-pekerja syarikat Dato' di bawah Sekim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO); dan
- (v) Polisi Insurans Pampasan Pekerja yang meliputi anggaran jumlah pendapatan pekerja-pekerja syarikat Dato' yang tidak dilindungi oleh Sekim PERKESO.

6. Arahan Untuk Memulakan Kerja yang juga akan menetapkan Tarikh Mula Kerja (Date of Commencement of the Works) akan dikeluarkan kepada Syarikat Dato' secara bertulis oleh "Project Director" seberapa segera yang mungkin.

7. Syarikat Dato' layak mendapat Wang Pendahuluan sebanyak M\$5,000,000.00 (Ringgit: Lima Juta Sahaja) dengan syarat bahawa pihak Dato' mengemukakan kepada Kerajaan melalui "Project Director", gerenti bank dalam bentuk yang diluluskan oleh Kerajaan dan yang dikeluarkan oleh sebuah bank yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Wang Pendahuluan tersebut akan dibayar balik melalui potongan dari bayaran interim mengikut Fasal 60(9), Syarat-syarat Kontrak.

8. Surat ini dihantar kepada pihak Dato' dalam tiga salinan. Sila mengemalikan yang asal serta satu salinan ke pejabat ini setelah ditandatangani oleh Dato' dan disaksikan dan simpan salinan yang kedua.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI DATO' IR. TALHA BIN HJ. MOHD HASHIM)
Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kewangan,
Khazanah Malaysia,
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan,
Jalan Duta,
50592 Kuala Lumpur
(U.p.: En. Yahya bin Yaacob)

- Ketua Setiausaha,
Kementerian Kerja Raya,
Bahagian Pembangunan,
50580 Kuala Lumpur
(U.p.: En. Fakurrudin bin Hj. Eshak)

- Pengarah,
Cawangan Jalan,
Ibu Pejabat J.K.R.,
50582 Kuala Lumpur

- sk- Pengarah,
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan,
Ibu Pejabat J.K.R.,
50582 Kuala Lumpur
- Pengarah Pengurusan,
Ibu Pejabat J.K.R.,
50582 Kuala Lumpur
 - Jurutera Penguasa Kanan,
Projek Jalan Raya Timur-Barat,
Gerik, Perak
 - Pengarah PUSAKABUMI,
Jabatan Perdana Menteri,
Kuala Lumpur
 - Ketua Akauntan,
Kementerian Kerja Raya,
50580 Kuala Lumpur
 - Ketua Audit Negara,
Jalan Cenderawasih,
Kuala Lumpur
 - Ketua Pengarah,
Jabatan Hasil Dalam Negeri,
Jalan Duta,
Kuala Lumpur
 - Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Kuala Lumpur
(U.p. : Pengarah Belia)
 - Pengarah Hal Ehwal Buruh,
Negeri Perak Darul Ridzwan,
Ipoh
 - Pengarah Hal Ehwal Buruh
Negeri Kelantan
Kota Bharu
-)
)
) Sila berhubung dengan
) kontraktor tersebut
) untuk maklumat berkenaan
) bilangan pekerja yang
) akan diambil kerja
)
)
)
)

KERJA-KERJA PEMBAIKAN CERUN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN
DI JALAN RAYA TIMUR-BARAT - PAKEJ IIA

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengaku penerimaan surat di atas dan mengesahkan persetujuan kami kepada semua terma, syarat-syarat dan stipulasi yang terkandung didalamnya. Seperti yang dikehendaki, salinan asal serta satu salinan surat yang telah ditandatangani, bertarikh dan bersaksi, dengan ini dikembalikan kepada tuan dan satu salinannya telah disimpan oleh kami.

Bismillah

.....
Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh..... Dato' Dr Nik Hussein
Abdul Rahman
Atas sifat..... Pengerusi Eksekutif.....

diberikuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani untuk dan bagi pihak:



.....
Meteri atau Cap Kontraktor

Tarikh... 19 June 1990

Fauzi

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh..... Mohd Pauzi Ab Hamid
Pekerjaan..... Timbalan Pengurus Besar.....

Alamat..... Lot 8359, Batu 8, Jalan
Batu Caves, 68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
.....
.....

Tarikh... 19 Jun 1990

KERJA - KERJA PEMBAIKAN CERUN DAN KERJA - KERJA
BERKAITAN DI JALAN RAYA TIMUR - BARAT - PAKEJ II A.

Pihak yang bertandatangan dibawah ini mengakuterima surat diatas.
Seperti yang dikehendaki, salinan asal yang telah ditandatangani,
bertarikh dan bersaksi, dengan ini dikembalikan kepada tuan dan
satu salinannya disimpan oleh kami.

Bismillah
.....
(Kontraktor)

Nama Penuh: Dato' Dr Nik Hussein
Abdul Rahman
Atas sifat: Pengerusi Eksekutif



.....
(Meteri atau cop Kontraktor)

Tarikh:.....

Fauzi
.....
(Saksi)

Nama: Mohd Fauzi Ab Hamid
Pekerjaan: Timbalan Pengurus Besar
Alamat: Lot 8359, Batu 8, Jalan Batu
Caves, 68100 Batu Caves, Selangor
.....
.....

Tarikh:.....